

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa,  
25 Mei 2021**



## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN, MAC 2021**

---

**Prospek ekonomi yang memberangsangkan dijangka dalam tempoh terdekat  
namun cabaran semasa berterusan**

**PUTRAJAYA, 25 MEI 2021**– Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI MAC 2021**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata IP Malaysia pada Mac 2021 menunjukkan peningkatan ketara dengan pertumbuhan dua digit, 17.3 peratus tahun ke tahun kepada 113.3 mata daripada 96.6 mata pada Mac 2020. Ini merupakan pertumbuhan tahunan tertinggi yang pertama kali direkodkan berikutan penguncupan ekonomi yang signifikan pada Mac 2020 susulan daripada pembendungan penularan wabak. Selain itu, prestasi IP ini dipengaruhi terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan, Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar.

Berdasarkan pencapaian bulan ke bulan, IP menunjukkan trend yang selari dengan mencatatkan 1.8 peratus pada Mac 2021 berbanding 1.1 peratus pada bulan sebelumnya. Ianya disumbangkan terutamanya oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.8%) dan Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (0.6%).

Pada Mac 2021, IP yang menunjukkan kebolehan dalam menjangkakan hala tuju ekonomi ke hadapan menunjukkan prospek ekonomi yang lebih baik melalui pergerakan kadar pertumbuhan IP terlicin (Paparan 1). Walaupun ketidakpastian berterusan, prospek ekonomi yang memberangsangkan dijangka dalam tempoh

terdekat. Ini sejajar dengan isyarat yang meyakinkan oleh prestasi perdagangan barangan Malaysia serta sentimen positif dalam sektor Pembuatan, subsektor Kenderaan Bermotor dan harga komoditi. Berikutan jangkaan pemulihan ekonomi global, prestasi ekonomi yang lebih baik dilihat di kebanyakan negara pada suku tahun pertama 2021. China sebagai rakan dagang utama Malaysia mengalami pertumbuhan kukuh Keluaran Dalam Negeri Kasar dengan 18.3 peratus untuk tempoh yang sama.

Kandungan laporan tersebut juga menyatakan bahawa Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi ekonomi semasa menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih baik kepada 4.1 peratus daripada negatif 2.0 peratus pada Februari 2021. Berasaskan bulanan, IS meningkat kepada 0.1 peratus disokong oleh peningkatan dalam Nilai Caruman Benar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (1.4%), Jumlah Guna Tenaga di sektor Pembuatan (0.5%) dan Kapasiti Penggunaan di sektor Pembuatan (0.2%).


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**25 MEI 2021**

**Paparan 1:**

**Kadar Pertumbuhan bagi Indeks Pelopor (Terlicin) dan Kitaran Perniagaan**



**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday,  
25<sup>th</sup> May 2021**



**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS  
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES,  
MARCH 2021**

---

**Encouraging economic outlook is expected in the near future  
but prevailing challenges persist**

**PUTRAJAYA, 25 MAY 2021-** Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR MARCH 2021**. The Leading Index (LI) is a predictive tool used to anticipate economic upturns and downturns in an average of four to six months ahead.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said that Malaysia's LI in March 2021 showed a significant increase with a double-digit growth, 17.3 per cent year-on-year to 113.3 points from 96.6 points in March 2020. This is an in augural highest annual growth recorded following a significant economic contraction in March 2020 due to the containment of outbreak. Besides that, the performance of LI was influenced by strong growth in Number of Housing Units Approved, Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals and Number of New Companies Registered.

Based on month-on-month achievements, the LI observed a similar trend by registering 1.8 per cent in March 2021 as against 1.1 per cent in the previous month. This is contributed mainly by Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (0.8%) and Number of Housing Units Approved (0.6%).

In March 2021, the LI which indicates the ability in anticipating the economic direction in advance pointed a better economic prospect through the movement of growth rate of smoothed LI (Exhibit 1). Despite uncertainty persists, an encouraging economic outlook is expected in the near future. This is in line with the anticipated promising signs of Malaysia's merchandise trade performance as well as positive sentiment in Manufacturing sector, Motor Vehicles sub-sector and commodity prices. Given the global economic recovery in sight, better economic performances were seen in most countries in the first quarter of 2021. China being the Malaysia's top trading partner experienced a sturdy growth of Gross Domestic Product with 18.3 per cent for the same period.

The content of the report also stated that the Coincident Index (CI) which measures the current economic performance showed a better year-on-year growth to 4.1 per cent from negative 2.0 per cent in February 2021. On a monthly basis, the CI rose to 0.1 per cent supported by the increase in Real Contributions to Employees Provident Fund (1.4%), Total Employment in Manufacturing sector (0.5%) and Capacity Utilisation in Manufacturing sector (0.2%).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30<sup>th</sup> June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**25 MAY 2021**

**Exhibit 1:**

**Growth Rate of Leading Index (Smoothed) and Business Cycle**

